

23/09/1997

Kilang, kuari masih teruskan operasi

KUALA LUMPUR, Isnin - Sektor perindustrian, perlombongan dan pembinaan di sekitar Lembah Klang masih gagal menunjukkan komitmen dalam membantu kerajaan menangani masalah jerebu.

Tinjauan Berita Harian di kawasan perindustrian sekitar Shah Alam, Petaling Jaya dan Kepong mendapati masih ada sebahagian kilang di kawasan itu melepaskan sisa termasuk asap ke udara dan bertindak meneruskan operasi seperti biasa.

Pemerhatian di kawasan kuari di Jalan Damansara-Sungai Penchala, dekat sini, mendapati pemilik kuari itu meneruskan kerja seperti biasa, walaupun tidak menghidupkan mesin pemecah batu.

Tinjauan mendapati lori bebas keluar masuk di kawasan kuari itu, mengangkut batu kecil yang sudah dipecahkan.

Tindakan itu menyebabkan debu dan asap terlepas ke udara sehingga memburukkan lagi persekitaran.

Pemerhatian di kawasan pembinaan berhampiran Lebuhraya Utara-Selatan dekat persimpangan Damansara pula mendapati beberapa jentolak mengorek tanah untuk diangkut keluar.

Beberapa pekerja juga sibuk mengawasi pergerakan jentolak serta mengarah pemandu kenderaan itu meneruskan kerja menggali tanah.

Perbuatan pekerja terbabit ternyata bercanggah dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mahukan kerja tanah dikurangkan dan mereka yang mengendalikan kerja itu hendaklah membasahkan tanah supaya habuk tidak naik ke udara.

Dr Mahathir mahu kilang yang mengeluarkan asap memberhentikan operasi buat sementara.

Kabinet minggu lalu memutuskan beberapa tindakan lain yang boleh dilaksanakan secara mandatori apabila kadar Indeks Pencemar Udara (API) melebihi 250 iaitu:

- * Menghentikan kerja pembukaan dan pemindahan tanah.
- * Mewajibkan semua pihak termasuk orang ramai, peniaga dan pihak berkuasa tempatan.
- * Melembapkan tapak pembinaan dan jalan raya untuk mengurangkan debu.
- * Sektor perindustrian yang mengeluarkan asap berlebihan mengurangkan waktu bekerja atau menghentikan pengeluaran sama sekali.
- * Menghentikan operasi kuari yang mengeluarkan debu atau asap berlebihan.

Jumaat lalu, Dr Mahathir selaku Pengarah Keselamatan Negara mengisytiharkan Darurat Jerebu di Sarawak selepas API di negeri itu mencecah 625, jauh melepasi tahap bahaya 301-500 iaitu kadar paling tinggi pernah dicatatkan di negara ini.

Sementara itu, Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (PIKSM) ketika dihubungi kesal dengan sikap pemilik industri yang masih enggan menghadkan kadar pelepasan asap ke udara bagi mengekang jerebu.

Presidennya, Looi Teong Chye, berkata arahan Perdana Menteri itu sepatutnya dihormati pengusaha kilang serta dipatuhi demi menunjukkan komitmen dalam memerangi jerebu.

"Persatuan misalnya sejak Sabtu lalu sudah mengeluarkan pekeliling kepada semua ahli di seluruh negara supaya menghadkan kadar pelepasan asap dan pengeluaran demi menangani masalah jerebu.

"Walaupun tidak ramai daripada 400 ahli PIKSM mengendalikan kegiatan perindustrian besar yang membabitkan pelepasan asap ke udara, kami mahu

komited dan memberikan sokongan kepada kerajaan," katanya.

Looi berkata, setiap pengerusi di peringkat negeri diminta mengingatkan ahli supaya mematuhi arahan dan melakukan apa yang difikirkan baik bagi mengurangkan jerebu.

(END)